

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : RUMAH-RUMAH TERBENGGALAI**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah projek perumahan terbengkalai khususnya di DUN Taman Templer?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, antara pendekatan yang telah diambil oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dalam menangani masalah projek terbengkalai khususnya di Dun Taman Templer iaitu apartment Kristal adalah mengadakan perbincangan secara berkala bersama Pejabat Tanah Daerah Gombak, Majlis Perbandaran Selayang, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan pihak pelikuidasi (*Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd*) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT). Perbincangan turut diadakan dengan semua jabatan teknikal seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan. JPPT bertujuan bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak antaranya bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai dalam memulihkan projek ini. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan di samping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Pada tahun 2019 Jawatankuasa Kecil Pemulihan Projek Terbengkalai Pihak Berkuasa Tempatan (JKPPT PBT) ditubuhkan untuk memastikan focus pemulihan, pengurusan isu sepanjang pengendalian mesyuarat dan pemantauan penyelesaian projek terbengkalai di kawasan 12 PBT dapat ditangani dengan lebih cekap, holistik, telus dan sistematik secara berterusan dengan kolaborasi pelbagai agensi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : BAS SMART SELANGOR**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan impak dan keberkesanan laluan bas Smart Selangor di kawasan luar bandar?
- b) Nyatakan kos penyelenggaraan bas Smart Selangor sepanjang tahun 2020 sehingga Jun 2020 mengikut kawasan PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan luar bandar iaitu di daerah-daerah seperti Kuala Langat, Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor merupakan perkhidmatan bas yang diberikan secara percuma di laluan-laluan sosial yang sangat diperlukan penduduk luar bandar bagi menghubungkan masyarakat dengan kemudahan pengangkutan awam dan kawasan sekitar.

Keberkesanan perkhidmatan bas ini dilihat dari aspek peningkatan kesalinghubungan dan jaringan di antara pengangkutan awam sedia ada ke stesen pengangkutan awam lain yang berdekatan seperti komuter, LRT, MRT dan BRT, menghubungkan laluan-laluan sosial dengan laluan utama di sesetengah kawasan, dari luar bandar ke pusat bandar serta perkhidmatan bas yang melalui kemudahan awam yang penting seperti fasiliti kesihatan iaitu klinik dan hospital, sekolah, jabatan dan agensi kerajaan yang terdapat di sepanjang laluan Bas Smart Selangor. Perkhidmatan bas secara percuma ini secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan beban perbelanjaan yang digunakan untuk pengangkutan berbayar seperti teksi, bas sekolah dan sebagainya. Ini kerana penggunaan Bas Smart Selangor di kawasan luar bandar kebanyakannya adalah dari golongan murid dan pelajar sekolah, penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pekerja-pekerja swasta dan orang awam bagi urusan harian.

- b) Kos penyelenggaraan Bas Smart Selangor adalah termasuk di dalam kos penyewaan bas sebanyak RM800 sebuah sehari yang juga merangkumi kos pengurusan, urusan pentadbiran seperti gaji pemandu dan sebagainya serta pengoperasian dan penyelenggaraan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos keseluruhan bagi 136 buah Bas Smart Selangor adalah dianggarkan sebanyak RM15 juta. Jumlah ini merupakan kos perkhidmatan Bas Smart Selangor yang beroperasi dari tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2020 iaitu sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan sehinggalah PKP Pemulihan (PKPP) dilaksanakan dan butiran kos yang diperuntukan adalah seperti berikut:-

- (a) 1 Januari hingga 17 Mac 2020 : RM 8,880,256.00  
(Bas beroperasi secara penuh)
  
- (b) 18 Mac hingga 12 Mei 2020 (PKP) : RM 1,959,049.60  
(Bas tidak beroperasi, hanya 20 buah bas digunakan sebagai Pengangkutan Khas COVID-19)
  
- (c) 13 Jun hingga 5 Jun 2020 (PKPB) : RM 2,251,567.20  
(Bas beroperasi namun tidak sepenuhnya kerana bilangan bas telah dikurangkan dan terdapat laluan yang masih ditangguhkan operasi khususnya di kawasan PKPD)
  
- (d) 6 Jun hingga 30 Jun 2020 : RM2,883,200.00  
(Bas kembali beroperasi sepenuhnya)

Dalam tempoh PKP tersebut, Kerajaan Negeri membiayai bantuan yang diberikan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk menyediakan Pengangkutan Khas COVID-19 bagi menghantar warganegara yang pulang dari luar negara dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke pusat-pusat kuarantin COVID-19 di Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Melaka bermula pada 3 April 2020 hingga 12 Mei 2020. Bas Smart Selangor telah membawa 9,910 warganegara yang tiba di KLIA untuk dihantar ke 38 buah hotel yang dijadikan Pusat Kuarantin COVID-19.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Butiran kos perkhidmatan Bas Smart Selangor dari 1 Januari 2020 hingga Jun 2020:

<b>Bil.</b>	<b>Perkara / Tempoh Operasi</b>	<b>Anggaran Kos</b>
(1)	01 Januari 2020 hingga 17 Mac 2020	RM8,880,256.00
(2)	18 Mac 2020 hingga 12 Mei 2020 - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) CSR Kerajaan Negeri kepada NADMA**	RM1,273,865.60 RM685,184.00
(3)	13 Mei 2020 hingga 5 Jun 2020 - PKP Bersyarat	RM2,251,567.20
(4)	06 Jun 2020 – 30 Jun 2020 - PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan	RM2,883,200.00
<b>Jumlah</b>		<b>RM15,974,072.80</b>

- *Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri*

*Nota:*

\*\* Kos CSR perkhidmatan Bas Smart Selangor bagi penghantaran warganegara yang tiba di KLIA dari luar negara ke pusat-pusat kuarantin COVID-19 serta termasuk kos bagi penggunaan 2 buah bas untuk penghantaran *Person Under Investigation* (PUI) dari kawasan *lockdown* (PKPD) di Selayang ke Institut Perakaunan Negara di Sabak Bernam untuk dikuarantinkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PELABURAN DI NEGERI SELANGOR SELEPAS PENULARAN  
PANDEMIK COVID-19**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah awal Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur asing melabur dan relocate aktiviti perniagaan mereka di Negeri Selangor khususnya selepas dunia dilanda penularan pandemik COVID-19 ?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor Berhad telah meneroka peluang untuk syarikat – syarikat pelabur asing yang berpotensi untuk melabur di Negeri ini dan pada masa yang sama mempunyai operasi di negara- negara yang terkesan dengan pandemik ini untuk cuba menarik minat mereka bagi menimbang untuk memindahkan operasi mereka di negara – negara tersebut ke Negeri Selangor.

Disamping itu juga, Invest Selangor juga meneruskan usaha- usaha promosi menarik pelaburan menerusi pelbagai kaedah seperti webinar, persidangan dan pameran secara maya (virtual).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PEKERJA ASING**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah anggaran pekerja warga asing dengan izin dan tanpa di Negeri Selangor?
- b) Bagaimana kerajaan mengatasi masalah pekerja warga asing yang makin bertambah?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan sumber Jabatan Perangkaan Negeri Selangor, bancian penduduk dan perumahan akan dilaksanakan pada Bulan Julai 2020 termasuk pekerja warga asing yang menetap di Malaysia.
- b) Kawalan kemasukan warga asing merupakan bidang kuasa kerajaan pusat. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor sedia dan sentiasa memberi kerjasama terhadap perkara ini. Terdapat beberapa usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui PBT terhadap kawalan warga asing. Antaranya
  - i) Mempergiatkan operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen untuk memastikan pekerja asing berada dalam sektor perkerjaan yang betul seperti mana yang ditetapkan oleh Kerajaan;
  - ii) Kerajaan negeri juga meluluskan untuk tidak membenarkan warga negara asing menjalankan aktiviti perniagaan perniagaan kecil / sederhana atau dilesenkan di bawah aktiviti penjaja. semua lesen penjaja dan peniaga kecil termasuk lesen perniagaan di premis milik Jabatan/ Agensi/ PBT di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor hendaklah dipertimbangkan kepada warganegara Malaysia sahaja. PBT juga meletakkan sekatan pada syarat-syarat lesen penjaja iaitu tidak dibenarkan menggunakan pekerja warga asing tanpa izin. Tindakan tegas akan dikenakan terhadap perniagaan tanpa lesen yang dipelopori oleh warga asing khususnya dan juga premis penjaja yang menyewakan kepada warga asing dan melantik pembantu warga asing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KETIADAAN BEKALAN AIR TERAWAT**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ketiadaan bekalan air terawat di kawasan kampung Sungai Lui dan kampung Sungai Tekali?

**JAWAPAN:**

- a) Air Selangor telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti melaksanakan kerja-kerja penyelarasan pengagihan di sistem agihan bekalan air dan menaiktaraf perkakasan di rumah pam Kampung Sungai Lui dan Kampung Sungai Tekali.

Air Selangor juga akan melaksanakan beberapa projek naiktaraf di Kampung Sungai Lui yang kini dalam peringkat penilaian tender, antaranya:

- i. Kerja-kerja menaiktaraf kapasiti pengeluaran di Loji Rawatan Air Sungai Lolo;
- ii. Pemasangan paip baru dari Loji Rawatan Air Sungai Pangsun hingga ke simpang Bt 18;
- iii. Kerja-kerja menaiktaraf tangki menara Kampung Sungai Lui; dan
- iv. Pemasangan paip baru dari tangki menara Kampung Sungai Lui hingga ke Paya Lebar.

Kawasan Kampung Sungai Lui dan Kampung Sungai Tekali akan mendapat faedah melalui Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRA 2), apabila ianya siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2022 di mana ianya melibatkan pemasangan paip baru dari kolamimbangan baru Hulu Langat kepada paip air sedia ada di Jalan Hulu Langat serta pemasangan paip baru hingga ke kolam sedut Kampung Sungai Tekali.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran PWB dalam membantu golongan wanita dalam sektor pembangunan ekonomi rumah tangga pasca COVID 19?
- b) Bagaimanakah struktur perlantikan penyelia PWB yang terkini dilantik?
- c) Adakah masih menggunakan kuota parti politik atau memberikan kuasa kepada pihak adun melantik penyelia PWB?

**JAWAPAN:**


- a) Jawatankuasa Tetap Wanita dan Keluarga Negeri Selangor melalui Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor telah menjalankan kajian secara dalam talian kepada 442 orang responden berkenaan kesan sosioekonomi ke atas kehidupan wanita di Selangor akibat Pandemik Covid-19. Antara dapatan kajian ini adalah seperti berikut :
  - 1) Sebilangan besar responden kehilangan sumber pendapatan mereka kerana Covid-19 di mana keputusan menunjukkan bahawa **25% wanita mengalami kehilangan sebahagian pendapatan** mereka akibat kontrak yang ditamatkan, dipaksa untuk menutup perniagaan mereka atau diberikan cuti tanpa gaji, manakala seramai **43% wanita pula dilaporkan kehilangan (sebahagian) pendapatan isi rumah** kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
  - 2) Ibu tunggal adalah antara golongan yang paling teruk terjejas disebabkan oleh PKP. **Ibu tunggal, merangkumi 12% daripada sampel (55 wanita)**, dipercayai sangat terkesan akibat Covid-19 ini memandangkan mereka adalah satu-satunya pencari nafkah di dalam keluarga mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa **42% daripada ibu tunggal ini telah kehilangan (sebahagian) pendapatan isi rumah** mereka kerana kontraknya ditamatkan, terpaksa menutup perniagaan atau mendapat cuti tanpa gaji.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor khususnya melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) terus komited untuk membantu golongan wanita di seluruh Negeri



Selangor dalam apa juga situasi. Berdasarkan dapatan kajian yang dibuat oleh IWB Selangor ini, program-program PWB di peringkat komuniti DUN akan terus dipergiatkan dengan tumpuan program diberikan kepada modul Perusahaan Makanan dan Minuman serta Perusahaan Kraftangan yang tujuan utamanya adalah untuk membantu dan memberdaya golongan wanita ke arah menjana pendapatan dari rumah.

- b) Sebagai makluman ahli Yang Berhormat Jeram, struktur pelantikan penyelia PWB adalah seperti berikut:



- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan pelantikan penyelia PWB dengan menggunakan senarai cadangan nama-nama calon penyelia yang dipilih dan dikemukakan sendiri oleh ahli-ahli Yang Berhormat ADUN atau penyelarar Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dilantik untuk ditemuduga sebelum dilantik sebagai penyelia PWB mewakili DUN masing-masing di seluruh Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : SKIM SMUE/SKIM KHAIRAT KEMATIAN**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah skim SMUE yang dijalankan sekarang akan dikaji seperti memberi semula bantuan khairat kematian?

**JAWAPAN:**

- a) YAWAS diamanahkan untuk mengendalikan program Jom Shopping SMUE sahaja sehingga kini. Untuk makluman, sehingga kini YAWAS masih belum menerima sebarang pemakluman untuk memberikan semula bantuan khairat kematian seperti sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA DOMESTIK DAN PEPEJAL BAGI KERAJAAN  
TEMPATAN**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos pelupusan sisa yang ditanggung oleh setiap pihak berkuasa tempatan?
- b) Adakah Kerajaan Selangor telah melihat pelupusan sisa dengan teknologi baru yang telah dilaksanakan oleh Negara lain?

**JAWAPAN:**

- a) Secara dasarnya pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang berkualiti adalah memerlukan perbelanjaan yang besar dan sukar dikurangkan lebih-lebih lagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor telah menerima pertumbuhan bandar yang pesat, pertumbuhan kawasan perumahan baru yang tinggi, penambahan bilangan penduduk, penggunaan teknologi baru dalam pengurusan sampah dan peningkatan kos operasi sejajar dengan pertumbuhan ekonomi.

Sehubungan itu, usaha untuk mengurangkan kos pelupusan sampah boleh dicapai melalui pengurangan jumlah sampah yang dihasilkan dan dihantar ke tapak pelupusan sampah di mana secara tidak langsung ia boleh mengawal kos pelupusan sampah oleh PBT. Oleh itu, kaedah terbaik dalam mengurangkan sampah adalah melalui program pengasingan sisa pepejal di peringkat punca dan menggiatkan program kesedaran kitar semula supaya program ini dapat dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan Ucapan Belanjawan Tahun 2020 oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM600 ribu bagi pewujudan pusat kitar semula secara komprehensif di semua PBT dan sebanyak RM500 ribu kepada Kampung Tradisi terpilih sebagai projek perintis bagi memberi pendedahan kepada masyarakat di kampung akan kepentingan kitar semula serta sebagai pelan jangka panjang dalam mengurangkan penjanaaan sampah di kawasan luar bandar.

Di samping itu, Kerajaan Negeri amat menggalakkan PBT supaya memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti yang berasaskan kitar semula antaranya seperti:-

- 1) Melaksanakan kempen kesedaran berkenaan pengasingan sisa dan memperkenalkan sistem pengasingan sisa isi rumah di peringkat komuniti penduduk;
  - 2) Menjalankan aktiviti kitar semula dengan mengadakan program 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*) di peringkat sekolah rendah, menengah dan peringkat dalaman PBT;
  - 3) Program kitar semula pakaian terpakai;
  - 4) Program kitar semula e-Waste;
  - 5) Menyediakan kemudahan pusat kitar semula dan tong pengumpulan bahan kitar semula berpusat;
  - 6) Memperkenalkan sistem kutipan bahan kitar semula secara terus dari rumah penduduk; dan
  - 7) Program pengkomposan sisa yang dihasilkan dari sisa medan selera / premis makanan.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah mula menilai dan meneliti teknologi alternatif yang moden yang sesuai untuk digunakan bagi pelan jangka panjang dalam pelupusan sampah di Negeri Selangor dalam pelupusan sisa pepejal selain daripada kaedah *landfill* sejak tahun 2013 dengan menubuhkan “Jawatankuasa *Task Force* Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Selangor” dan anggota Jawatankuasa ini terdiri daripada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), UPEN dan anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).

Jawatankuasa *Task Force* ini telah melakukan beberapa penilaian teknologi termasuk di luar negara bagi mengenalpasti teknologi yang berpotensi seperti berikut:-

- i. *Mechanical Biological Treatment (MBT)*.
- ii. *Waste-to-Energy (WTE)*
- iii. *Pyrolysis*
- iv. *Compost*
- v. *Anaerobic Digester*
- vi. *Material Recovery Facility (MRF)*
- vii. *Recycling Facility*
- viii. *Refuse Derive Fuel (RDF)*

ix. *Transfer Station*

Lawatan kerja yang dijalankan oleh Jawatankuasa *Task Force* ini termasuklah mengunjungi loji-loji rawatan dan kilang penyedia teknologi seperti di negara Itali, Jerman, Switzerland, Taiwan, China dan Singapura.

Dengan merujuk kepada operasi WTE di Singapura, Kerajaan Negeri melalui UPEN telah melantik WHB untuk menjalankan *Feasibility Study* bagi pembangunan ISWMC di Selangor. Hasil dari kajian *Feasibility Study* tersebut, teknologi WTE yang menggunakan kaedah *Moving Grate* telah dikenalpasti sebagai teknologi yang sesuai untuk dibangunkan di Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor.

Sehubungan itu, pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah meluluskan pembangunan *Integrated Solid Waste Management* (ISWMC) untuk pengurusan sisa pepejal menyeluruh bagi Negeri Selangor, bermula dengan pembinaan loji WTE yang berkapasiti 1,000 tan sehari bersebelahan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) Justeru, sebuah Loji *Waste to Energy* (WTE) akan dibangunkan oleh WHB. Dengan adanya Teknologi ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor. Status terkini dalam pembangunan ISWMC ini adalah pihak WHB sedang dalam proses penyediaan laporan *Environment Impact Assessment* (EIA).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : COVID-19**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kematian pesakit COVID-19 di Selangor yang adalah juga penghidap penyakit tidak berjangkit berikut:
- (a) Diabetes
  - (b) Kanser
  - (c) Sakit jantung
  - (d) Hipertensi
- Apakah rancangan kerajaan dalam mendepani keadaan ini.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kematian akibat Covid-19 di Selangor adalah 24 kes. Daripada jumlah tersebut, 18 kes mempunyai penyakit kronik dan pecahan kes-kes tersebut adalah:

<b>Penyakit kronik</b>	<b>Kematian covid-19</b>
Diebetes	6
Kanser	1
Sakit Jantung	2
Hipertensi	9

Kesemua penyakit yang di atas dikategorikan sebagai penyakit (kronik) tidak berjangkit. Bagi mendepani cabaran ini, pihak KKM telah merangka teras utama berdasarkan District Risk Reduction Program (DRRP) yang akan mengguna pakai strategi CAPP sebagai strategi utama. Strategi CAPP yang dimaksudkan adalah:-

- C – Cegah & Didik
- A – Amal
- P – Patuh
- P – Pantau

Melalui strategi yang dimaksudkan ini, golongan yang perlu dilindungi akan terus dilindungi dan daerah akan terus mengekalkan status hijau. Contohnya:

- i. **Saringan awal komplikasi** dilaksanakan di peringkat Klinik Kesihatan seperti pemeriksaan kaki, fundus, pemeriksaan darah dan lain-lain.
- ii. **Golongan Berisiko (pesakit-pesakit kronik)** akan diberi keutamaan semasa rawatan dan saringan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : TAMBAHBAIK INISIATIF PEDULI RAKYAT**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan untuk tingkatkan penerimaan Kad Peduli Sihat dan Kasih Ibu Smart Selangor sebagai bantuan pasca Covid-19?
- b) Bilakah sistem Kad Peduli Sihat akan diaktifkan semula?
- c) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membawa semula Khairat Kematian SMUE?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman ahli Yang Berhormat, bilangan kad Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) yang diperuntukan pada masa kini masih sama iaitu 25,000 orang. Walau bagaimanapun, dalam menghadapi fasa pemulihan pandemic Covid-19 ini, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk menambahbaik perkhidmatan KISS ini dengan memperluaskan jenis barangan yang boleh dibeli oleh pemegang kad KISS sebagai alat perlindungan diri seperti sarung tangan, pelitup muka (*face-mask*), cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) di kedai atau pasaraya terpilih selain daripada pembelian barangan asas sedia ada.

Bagi penambahbaikan Kad Peduli Sihat pula, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambah bilangan kuota pemegang polisi Skim Insurans Peduli Sihat (SPS) daripada 65,000 orang sebelum ini kepada 85,000 pemegang polisi dengan pembahagian tambahan kuota seperti berikut:

- i. Sebanyak 18,000 polisi diperuntukkan kepada pemohon yang memenuhi kriteria dan syarat kelayakan berasaskan pendapatan terendah daripada senarai pemohon. Kuota ini tidak tertakluk kepada kuota DUN;
- ii. Sebanyak 1,000 kad diperuntukkan kepada ketua kampung tradisi, ketua kampung baru cina, ketua komuniti india, kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN, penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan



kakitangan pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berpendapatan RM2,000.00 dan ke bawah;

- iii. Sebanyak 200 kad diperuntukkan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas yang tidak tersenarai daripada kuota DUN; dan
  - iv. Sebanyak 800 polisi untuk kes-kes terpencil.
- b) Program Skim Peduli Sihat (SPS) telah diaktifkan semula sejak Jun 2019 iaitu selepas proses penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) bermula Mei 2019 sehingga Jun 2019. Pemegang kad dan pemegang polisi layak menerima manfaat SPS bermula daripada tarikh tersebut sehingga kini.

Setelah ditambah baik menjadi Skim Insurans Peduli Sihat, para peserta masih boleh terus menggunakan Kad Peduli Sihat sedia ada, di mana pakej baru Skim Insurans Peduli Sihat tersebut telah diaktifkan sebaik mendapat kelulusan MMKN pada April 2020. Para pemegang polisi juga layak menerima manfaat asas bermula Januari 2020 dengan tempoh sah laku polisi sehingga Disember 2021 dan akan diperbaharui sekiranya pemegang polisi masih lagi memenuhi kriteria dan syarat kelayakan yang ditetapkan.

- c) Sehingga kini, Kerajaan Negeri belum ada sebarang perancangan untuk membawa semula Khairat Kematian SMUE yang dikendalikan oleh Yayasan Anak Warisan Selangor.  
(Sumber: Yayasan Anak Warisan Selangor -YAWAS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : STATUS MPKK**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status MPKK setelah kerajaan Pakatan Harapan pusat bertukar kepada Perikatan Nasional?
- b) Adakah pengerusi dan ahli jawatankuasa MPKK yang sebelum ini daripada parti bersatu ditukar kepada pengerusi yang baru dalam kalangan pakatan harapan?

**JAWAPAN:**

(a) dan b) dijawab bersekali.

Kita semua sedia maklum, cadangan asal menaiktaraf semua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau JKKK di seluruh negara kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) adalah daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Meskipun setelah Kerajaan Pakatan Harapan pusat bertukar kepada Perikatan Nasional, sehingga hari ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak memberi sebarang makluman sekiranya akan mewujudkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan atau MPKKP seperti yang diamalkan di negeri-negeri pembangkang sebelum ini. Justeru, MPKK sedia ada berfungsi seperti biasa, melaksanakan tanggungjawab berkhidmat kepada rakyat terutama sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 4 Mac 2020 yang lalu di atas perubahan kepimpinan dan keadaan politik peringkat Kerajaan Persekutuan telah menimbang dan meluluskan agar semua perkhidmatan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) iaitu Ketua Kampung Tradisi dan Setiausaha serta Ketua Komuniti India (KKI) dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) digantung tugas berkuat kuasa pada 5 Mac 2020 dan tidak layak dibayar elaun mulai 1 April 2020 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Semua tugas yang berkaitan akan diselaraskan oleh Penghulu Mukim Kawasan yang terlibat.

Namun demikian, di atas keprihatinan Kerajaan Negeri dan solidariti untuk bersama melawan serangan wabak COVID-19 yang melanda negara dan dunia, Kerajaan Negeri melalui MMKN yang bersidang pada 25 Mac 2020 telah bersetuju dan meluluskan supaya semua perkhidmatan ahli MPKK – Ketua Kampung Tradisi dan Setiausaha serta Ketua Komuniti India (KKI) dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) disambung semula berkuat kuasa pada 5 Mac 2020 sehingga 30 Jun 2020.

Penggantian pengerusi atau Ketua Kampung Tradisi yang baharu sedang dilaksanakan secara berperingkat setelah mendapat persetujuan dan kelulusan Kerajaan Negeri. ***(status sehingga jawapan ini disediakan)***

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : KEBAJIKAN PEKERJA LADANG DI KUALA LANGAT**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak pekerja ladang di Selangor dari tahun 2009 hingga 2019 mengikut pecahan kaum di setiap kawasan DUN?
- b) Apakah rancangan-rancangan yang bakal diketengahkan oleh kerajaan negeri untuk membantu mempertingkatkan taraf kehidupan golongan pekerja ladang?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod bilangan pekerja ladang yang berdaftar di Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bertarikh 6 Jun 2020 adalah mengikut cawangan. Bilangan pekerja ladang dari tahun 2009 sehingga 2019 adalah seperti Jadual di bawah :

<b>Cawangan Tahun</b>	<b>Subang Jaya</b>	<b>Pelabuhan Klang</b>	<b>Rawang</b>	<b>Bangi</b>	<b>Kuala Selangor</b>	<b>Jumlah Pekerja</b>
2009	236	6,783	1,020	63	0	8,102
2010	236	6,793	1,020	156	273	8,478
2011	236	7,143	1,020	228	273	8,900

<b>Cawangan Tahun</b>	<b>Subang Jaya</b>	<b>Pelabuhan Klang</b>	<b>Rawang</b>	<b>Bangi</b>	<b>Kuala Selangor</b>	<b>Jumlah Pekerja</b>
2012	236	7,143	1,020	228	273	8,900
2013	236	7,143	1,020	228	273	8,900
2014	404	7,143	1,020	228	273	9,068

2015	404	7,852	1,020	228	273	9,777
2016	404	7,852	1,020	228	273	9,777
2017	404	7,852	1,020	228	273	9,777
2018	439	7,852	1,020	228	273	9,812
2019	439	7,852	1,020	228	273	9,812

- b) Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap keadaan sosio ekonomi keluarga yang kurang berkemampuan khususnya dalam kalangan pekerja ladang dan bekas pekerja ladang. Sebagaimana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri pada ketika dahulu telah merangka program – program untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan berdasarkan kaum di mana program – program melibatkan kampung tradisi adalah khusus untuk membantu masyarakat melayu. Program – program melibatkan kampung baharu pula dikhususkan untuk membantu masyarakat cina. Manakala program – program yang dirangka di bawah Jawatankuasa Pekerja Ladang, adalah dikhususkan untuk membantu masyarakat India.

Kerajaan Negeri menyedari masalah sosio ekonomi dalam kalangan pekerja ladang dan masyarakat India bukan suatu perkara yang baharu di mana rata – rata mereka adalah terdiri dari kumpulan B40. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memelihara kebajikan golongan ini dengan mewujudkan dua (2) Portfolio di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin yang khusus untuk membantu mereka iaitu :

I. Portfolio Pembangunan Pekerja Ladang

II. Portfolio Program Pendidikan Anak – anak Pekerja Ladang

Di bawah Portfolio Pembangunan Pekerja Ladang, Kerajaan Negeri telah merencanakan beberapa program bercirikan kebudayaan, kemahiran serta motivasi. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui *Estet Land Board (ELB)* akan membantu dan meneliti setiap permohonan ladang – ladang bagi tujuan pembangunan dan pertukaran pemilikan ladang yang berkeluasan melebihi 100 ekar dengan mengambil kira pelbagai aspek. Penelitian ini adalah bagi memastikan bahawa pertimbangan dan kelulusan akan mengambil kira fasiliti yang terdapat di dalam ladang berkenaan seperti sekolah, rumah ibadat, tapak perkuburan dan sebagainya adalah terjamin. Ia adalah bagi membantu mereka

untuk mendapat pembelaan yang sewajarnya demi memastikan mereka terus berdaya saing dan maju seiring dengan pembangunan negari yang semakin pesat membangun.

Pembangunan ekonomi dalam kalangan pekerja ladang / bekas pekerja ladang merupakan teras kepada kehidupan yang lebih selesa dan terjamin pada masa hadapan. Justeru itu, program – program yang telah dilaksanakan melibatkan pekerja ladang dan juga bekas pekerja ladang di Negeri Selangor memberi tumpuan untuk meningkatkan pendapatan sampingan mereka menerusi penganjuran kursus kemahiran jangka pendek seperti pembuatan kek dan coklat, kelas jahitan, kelas solekan, pembaikan peralatan, pembuatan kraftangan serta ceramah dan taklimat yang membantu meningkatkan keyakinan dan semangat dalam kalangan pekerja ladang untuk terus maju dan berdaya saing. Program – program kemahiran seperti ini dilihat sedikit sebanyak dapat membantu para pekerja ladang memantapkan asas – asas ilmu kemahiran ilmu yang boleh menjana pendapatan sampingan.

Kerajaan Negeri juga turut memberi tumpuan utama kepada program pendidikan anak – anak pekerja ladang. Di bawah Portfolio Program Pendidikan Anak – anak Pekerja Ladang, Kerajaan Negeri telah merancang dan menyusun lebih banyak program berdasarkan peruntukan yang diluluskan dan memastikan ianya dapat dibelanjakan secara berhemah dan teratur. Antara program-program yang terdapat di bawah Portfolio Program Pendidikan Anak – anak Pekerja Ladang adalah seperti berikut :

- i. Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah ;**
- ii. Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia ;**
- iii. Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) ;**
- iv. Program–program Motivasi Anak Pekerja Ladang (Program Ad-Hoc) ; dan**
- v. Program Pembangunan Sains, Sukan, Inovatif dan Kebudayaan.**

Salah satu perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri terhadap anak – anak pekerja ladang / bekas pekerja ladang adalah untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif. Dengan adanya persekitaran pembelajaran yang lengkap, secara tidak langsung dapat menarik minat anak –

anak pekerja ladang / bekas pekerja ladang untuk menimba ilmu pengetahuan. Komitmen Kerajaan Negeri berhubung perkara ini dapat dilihat melalui pembinaan Asrama Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Midlands, Shah Alam dan yang terkini Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Coalfields, Kuala Selangor. Melalui pembinaan projek tersebut, ia dapat membantu anak – anak pekerja ladang / bekas pekerja ladang untuk mendapat pendidikan yang lebih sempurna dengan kemudahan – kemudahan dan teknologi terkini melalui persekitaran pembelajaran yang lebih selamat, selesa dan kondusif. Secara tidak langsung, dengan adanya kemudahan – kemudahan pembelajaran dan akses kepada maklumat pendidikan terkini, ia dapat mendorong dan memupuk minat anak – anak pekerja ladang / bekas pekerja ladang untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta untuk mencapai cita - cita. Secara tidak langsung, anak – anak pekerja ladang / bekas pekerja ladang ini dapat memperluaskan bidang pekerjaan dan membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga dengan menggunakan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang telah mereka perolehi dan pelajari.

Secara keseluruhannya, melalui penganjuran program – program sebegini, masyarakat India khususnya anak – anak pekerja ladang / bekas pekerja ladang dapat diberdayakan sekaligus mengurangkan masalah keciciran golongan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR  
(N32 SERI SETIA)**

**TAJUK : PENGANGGURAN**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan/perancangan/program/insentif bagi menangani isu pengangguran yang semakin bertambah terutamanya selepas pandemik Covid19 yang masih belum selesai?
- b) Jika Kerajaan Negeri mempunyai perancangan tersebut, golongan manakah yang menjadi keutamaan?

**JAWAPAN:**

1. Sasaran Kerajaan Negeri tahun 2019 adalah untuk menurunkan kadar pengangguran kepada 2.5%.
2. Untuk makluman Dewan, kadar pengangguran di negeri Selangor telah menurun seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>KADAR PENGANGGURAN (15 HINGGA 64 TAHUN),%</b>
2017	3.2%
2018	3.0%
<b>2019</b>	<b>2.4%</b>

*Sumber: Survei Tenaga Buruh, 2017-2019, Jabatan Perangkaan Malaysia*

3. Kejayaan ini adalah hasil kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memberi peluang pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat Selangor.



4. Namun, pandemik COVID-19 telah melumpuh ekonomi dunia termasuk Malaysia. Untuk pengetahuan semua unjuran kadar pengangguran yang direkodkan di Malaysia akibat Wabak COVID-19 adalah setakat bulan Mei 2020:

Kerajaan Malaysia 5.5%

5. Bilangan golongan generasi muda Selangor adalah 3 juta, dan daripada jumlah ini penganggur siswazah menyumbang sebanyak 29.3% atau 879,000 belia.

6. Berikut adalah kategori penganggur belia:

Usia (Tahun)	Kadar pengangguran (%)
15 - 30	6.9%
31 - 45	1.4%
46 - 64	1.1%

*Sumber: Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan.*

7. Kerajaan Negeri mensasarkan unjuran kadar pengangguran di bawah 4.2% berdasarkan kadar pengangguran semasa Malaysia sebanyak 5.5% seperti diumumkan Perdana Menteri Malaysia pada 5 Jun 2020.
8. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menanggapi isu pengangguran yang semakin bertambah terutamanya selepas pandemik COVID 19 di Selangor ialah dengan mengadakan program - program seperti berikut:

**a) Program Roda Darul Ehsan (RiDE)**

- i. Melalui program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada sidang Belanjawan Selangor 2020, Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat 'e-hailing' seperti GRAB, Food Panda, La La Move atau Mat Despatch yang bakal memberi peluang pekerjaan di dalam 'ekonomi gig' kepada hampir 2,500 anak muda dan graduan di seluruh Selangor terutama golongan yang layak.

- ii. Syarikat- syarikat 'e-hailing' ini akan membimbing peserta supaya lebih efektif dan cekap dalam melakukan kerja penghantaran kepada pelanggan-pelanggan mereka melalui modul-modul latihan yang dibekalkan oleh syarikat 'e-hailing'. Ia juga dapat membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja khususnya di tahap kritikal dengan mendahulukan penglibatan dalam kalangan warga tempatan.

#### **b) Program Selangor Job Fair**

- i. Sasaran Kerajaan Negeri untuk Program *Selangor Job Fair* pada tahun 2020 adalah untuk menurunkan serendah mungkin kadar pengangguran negeri.
- ii. Kali ini program Selangor Job Fair akan digerakkan ke peringkat daerah melalui pelaksanaan **Jelajah Karnival Kerjaya Selangor**. Pada 15 Mac 2020, Kerajaan Negeri telah merancang untuk mengadakan **Jobvaganza** di Bukit Melawati dengan lebih 1,000 peluang pekerjaan ditawarkan. Namun, program terpaksa ditunda akibat wabak COVID 19.
- iii. Kali ini, Kerajaan Negeri terpaksa menggunakan pendekatan digital untuk mengawal pergerakan pencari kerja serta untuk tujuan penjarakan sosial. Satu SOP telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri di mana pencari kerja hanya menggunakan web bagi mendaftar dan mendapat slot untuk hadir pada sesi temuduga di Program Jobfair pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
- iv. Kali ini juga Kerajaan Negeri akan menghimpunkan syarikat - syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan lebih-lebih lagi syarikat yang menawarkan pekerjaan berkonsepkan 'ekonomi gig' yang semakin mendapat tempat dalam kalangan Generasi Muda di Selangor.
- v. Kerajaan Negeri juga merancang untuk mengadakan siri jelajah karnival kerjaya ke semua daerah di Selangor.
- vi. Pihak kerajaan akan mengadakan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti PERKESO untuk melaksanakan program - program bagi memastikan kadar pengangguran dapat dikurangkan lagi dan kebolehpasaran anak muda atau graduan dapat dipertingkatkan.

- vii. Di bawah skim PenjanaKerjaya, PERKESO menawarkan insentif pengambilan pekerja sebanyak RM600 sehingga ke tempoh 6 bulan terpakai untuk majikan yang mengambil pekerja secara perantisan. Selain itu, PERKESO menawarkan insentif sebanyak RM800 sehingga RM1,000 sebulan sehingga ke tempoh 6 bulan, dan latihan adalah terpakai kepada majikan yang menggajikan pencari kerja tempatan termasuk Orang Kelainan Upaya (OKU).
- viii. Kerajaan Negeri juga menerima tawaran lisan daripada Presiden MTUC, Datuk Abdul Halim Mansor yang juga Pengerusi GIATMARA untuk menggunakan fasiliti GIATMARA di Selangor bagi tujuan program upskilling dan reskilling.

#### **c) Program Youth Economy : Smart Selangor Programme (YESS)**

Program YESS adalah satu program khas yang akan dilaksanakan oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) yang akan memberi peluang 10,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 3 tahun yang menitikberatkan peningkatan kemahiran tenaga kerja (Upskilling) melalui program latihan kemahiran dan penempatan pekerjaan, pembangunan laluan kerjaya digital industri aeroangkasa serta pembangunan platform pengurusan bakat dan tenaga kerja.

#### **d) Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS)**

Melalui pelaksanaan program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS), Kerajaan Negeri telah mengadakan kerjasama strategik dengan sektor industri bagi memastikan kebolehpasaran belia seiring dengan kehendak industri dengan menawarkan kursus seperti aerospace industrial immersion, aerospace skilled, jurukimpal dan perantis MRO iaitu bidang penyelenggaraan pesawat.

#### **e) *KPS Entrepreneurship Development Programmes***

Program latihan kemahiran keusahawanan atau KPS Entrepreneurship Development Programmes dilaksanakan oleh Kumpulan Peransang Selangor Berhad bertujuan untuk membantu golongan yang belum mendapat pekerjaan dalam mempertingkatkan pengetahuan dengan menyediakan latihan kemahiran dan bimbingan berterusan untuk membantu mereka menjana pendapatan bulanan melebihi RM1,000.00 dan meningkatkan status ekonomi mereka.

***f) Inisiatif Foreign to Local***

Kerajaan Negeri menerusi Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) akan bekerjasama dengan industri pembuatan swasta untuk melatih dan memberi pekerjaan kepada warga tempatan. Ini adalah inisiatif kerajaan untuk mengurangkan kadar kebergantungan kepada pekerja asing.

- b) Kerajaan Negeri Selangor akan mengutamakan belia yang menganggur khususnya graduan, pekerja yang telah diberhentikan dan golongan B40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BANTUAN KEWANGAN KEPADA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tarikh penyerahan bantuan kewangan kepada sekolah jenis kebangsaan.
- b) Senaraikan sekolah-sekolah yang telah diluluskan mengikut DUN.

**JAWAPAN:**

- a) Tarikh penyerahan bantuan penambahbaikan infrastruktur sekolah akan dilaksanakan bermula pada bulan Julai 2020.
- b) Senarai Sekolah-sekolah yang telah diluluskan mengikut DUN akan diberikan secara bertulis. Secara ringkasan taburan permohonan mengikut DUN adalah seperti berikut:

<b>DUN</b>	<b>JUMLAH SEKOLAH MOHON</b>	<b>JENIS SEKOLAH</b>	<b>BILANGAN SEKOLAH</b>
N01 Sungai Air Tawar	6	SJKC	5
		SJKT	1
N02 Sabak	3	SJKC	2
		SJKT	1
N03 Sungai Panjang	1	SJKC	1
N04 Sekinchan	4	SJKC	2
		SJKT	1
		SMJK	1
N05 Hulu Bernam	5	SJKC	1
		SJKT	4
N06 Kuala	7	SJKC	5

DUN	JUMLAH SEKOLAH MOHON	JENIS SEKOLAH	BILANGAN SEKOLAH
Kubu Baharu		SJKT	2
N07 Batang Kali	6	SJKC	3
		SJKT	3
N08 Sungai Burong	4	SJKC	4
N09 Permatang	8	SJKC	2
		SJKT	6
N10 Bukit Melawati	8	SJKC	3
		SJKT	5
N11 Ijok	3	SJKC	2
		SJKT	1
N12 Jeram	6	SJKC	3
		SJKT	3
N13 Kuang	3	SJKC	2
		SJKT	1
N14 Rawang	4	SJKC	2
		SJKT	2
N15 Taman Templer	1	SJKC	1
N16 Sungai Tua	2	SJKC	1
		SJKT	1
N19 Bukit Antarabangsa	3	SJKC	2
		SJKT	1
N22 Teratai	1	SJKC	1
N23 Dusun Tua	2	SJKC	2
N24 Semenyih	5	SJKC	3

DUN	JUMLAH SEKOLAH MOHON	JENIS SEKOLAH	BILANGAN SEKOLAH
		SJKT	2
N25 Kajang	7	SJKC	4
		MUBALIGH	2
		SMJK	1
N26 Sungai Ramal	1	SJKC	1
N27 Balakong	4	SJKC	4
N28 Seri Kembangan	1	SJKC	1
N29 Seri Serdang	2	SJKC	1
		SJKT	1
N30 Kinrara	3	SJKC	3
N31 Subang Jaya	3	SJKC	3
N32 Seri Setia	1	SJKT	1
N33 Taman Medan	1	SJKC	1
N34 Bukit Gasing	4	SJKC	1
		SJKT	1
		MUBALIGH	1
N34 Bukit Gasing		SMJK	1
N35 Kampung Tunku	2	SJKC	2
N36 Bandar Utama	5	SJKC	4
		SJKT	1
N37 Bukit Lanjan	2	SJKC	2
N38 Paya Jaras	1	SJKT	1
N39 Kota Damansara	1	SJKC	1

DUN	JUMLAH SEKOLAH MOHON	JENIS SEKOLAH	BILANGAN SEKOLAH
N39 Kota Damansara	2	SJKC	1
		SJKT	1
N40 Kota Anggerik	4	SJKC	1
		SJKT	3
N41 Batu Tiga	3	SJKC	3
N42 Meru	4	SJKC	2
		SJKT	2
N43 Sementa	4	SJKC	2
		SJKT	2
N45 Bandar Baru Klang	6	SJKC	2
		SJKT	3
		SMJK	1
N46 Pelabuhan Klang	3	SJKC	2
		SJKT	1
N47 Pandamaran	7	SJKC	3
		MUBALIGH	4
N48 Sentosa	3	SJKC	1
		SJKT	2
N49 Sungai Kandis	1	SJKT	1
N50 Kota Kemuning	5	SJKC	3
		SJKT	2
N51 Sijangkang	4	SJKT	4
N52 Banting	7	SJKC	2
		SJKT	5



<b>DUN</b>	<b>JUMLAH SEKOLAH MOHON</b>	<b>JENIS SEKOLAH</b>	<b>BILANGAN SEKOLAH</b>
N53 Morib	4	SJKC	2
		SJKT	2
N54 Tanjung Sepat	4	SJKC	1
		SJKT	3
N55 Dengkil	6	SJKC	2
		SJKT	4
N56 Sungai Pelek	8	SJKC	4
		SJKT	3
		MUBALIGH	1

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : JALAN DARI PANTAI MORIB KE PANTAI KELANANG (LALUAN ALTERNATIF)**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan dari pihak Kerajaan Negeri untuk menambahbaik jalan dari pantai Morib ke pantai Kelanang (laluhan alternatif).kemudahan lampu jalan masih tidak mencukupi?

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat dua jalan alternatif dari Pantai Morib ke Pantai Kelanang iaitu Jalan Sg. Hantu/Tongkah dan Jalan Morib/Tongkah berdasarkan kepada rekod MARRIS. Pihak JKR Selangor tiada sebarang perancangan bagi menaiktaraf laluhan tersebut. Walau bagaimanapun, pejabat ini akan mengkaji keperluan tahun 2020 bagi aspek keselamatan dan lampu jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PELUANG EKONOMI BELIA**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membantu kelompok belia yang terjejas dari sudut ekonomi pasca pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

**JAWAPAN:**

**Soalan ini dijawab bersekali dengan pertanyaan mulut No.44 daripada Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin dari DUN Bandar Utama berhubung dengan soalan Kelangsungan Ekonomi Anak Muda**

Pandemik COVID-19 telah disahkan merebak di Malaysia pada 25 Januari 2020. Dengan kadar jangkitan virus ini yang meningkat dengan pantas, kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020. PKP ini selanjutnya melalui fasa-fasa yang antaranya PKPD, PKPB dan terkini ianya dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2020 melalui PKPP. Golongan belia adalah merupakan antara golongan yang terjejas dari sudut ekonomi berikutan pelaksanaan PKP ini. Ramai daripada mereka kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah merancang bagi melaksanakan beberapa inisiatif dalam membantu meredakan keresahan rakyat khususnya dalam aspek kelangsungan hidup pasca Covid-19 yang tidak hanya menyasarkan Golongan Belia secara khusus tetapi juga seluruh rakyat negeri Selangor. Di antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut: -

a) Selangor Advance

- Selangor Advance adalah inisiatif pembiayaan tunai bagi membantu golongan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk memperbaiki aliran tunai dan pusingan modal bagi mengekalkan kelangsungan operasi mereka terutamanya ketika masa pemulihan ini. Golongan belia boleh mengambil peluang dari inisiatif ini untuk memperkembangkan dan memastikan kelangsungan perniagaan mereka.

b) Selangor Kerjaya

- Pengurusan Bakat dan Tenaga Kerja bagi rakyat di Negeri Selangor untuk menangani isu penawaran pekerjaan pasca wabak COVID-19 dan pembangunan kemahiran serta laluan kerjaya tenaga kerja terutamanya kepada golongan belia yang masih mencari peluang pekerjaan selepas menamatkan pengajian bagi memenuhi penawaran pekerjaan abad ke-21.

c) Selangor E-Kitchen

- Selangor e-Kitchen adalah inisiatif digitalisasi perniagaan agar ekonomi negeri dapat memberi penciptaan nilai baru kepada masyarakat. Inisiatif ini membantu penjaja / peniaga kecil (PKS Mikro) untuk terus beroperasi secara dalam talian bagi memperluaskan akses pasaran. Sebagaimana umum sedia maklum, golongan belia adalah golongan yang sangat meminati perniagaan secara *online* ini kerana sifat mereka yang tidak gemar untuk terikat dengan majikan. Oleh itu, inisiatif ini dapat membantu golongan belia untuk meningkatkan ekonomi mereka.

d) Selangor Procure

- Selangor Procure adalah inisiatif membuka peluang kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Selangor untuk membekalkan produk dan servis kepada Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) di Selangor, melalui pelantar perolehan digital (e-procurement platform). Bagi belia yang baru menceburi bidang perniagaan, masalah kecairan modal merupakan antara masalah utama yang dihadapi mereka. Justeru dengan inisiatif ini, golongan belia tidak perlu lagi risau tentang kecairan modal mereka.

Selain inisiatif-inisiatif yang dinyatakan ini, golongan belia juga boleh mengambil peluang dari lain-lain inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri seperti inisiatif rakan digital dan data internet Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : IMPAK PEMBERHENTIAN AIR PERCUMA**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pemberian air percuma secara automatik yang dihentikan baru-baru ini mengurangkan purata kegunaan seharian untuk pelanggan domestik?
- b) Berapakah permohonan air percuma yang diterima dan diluluskan setakat ini?

**JAWAPAN:**

- a) Penggunaan purata air domestik secara amnya tidak menunjukkan perubahan besar setelah pemberian air percuma dihentikan kepada semua pengguna Negeri Selangor. Ini dapat dilihat dari Jadual Purata Penggunaan Harian berikut:-

<b>Maklumat</b>	<b>Jan 20</b>	<b>Feb 20</b>	<b>Mac 20</b>	<b>Apr 20</b>	<b>Mei 20</b>
Meter Padu	43,034,032	42,828,140	<b>44,309,612</b>	<b>42,430,014</b>	<b>62,513,772</b>
Jumlah Akaun	1,687,384	1,629,985	<b>1,694,519</b>	<b>1,644,579</b>	<b>1,633,540</b>
M3/ Akaun/Hari	0.82	0.91	<b>0.84</b>	<b>0.86</b>	<b>1.23</b>

Bermula pada bulan Mac 2020, purata penggunaan air pelanggan domestik menunjukkan peningkatan yang berkemungkinan disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Bersyarat oleh kerajaan semasa pandemik COVID 19 bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Mei 2020 di mana melalui Perintah tersebut, pengguna berada di rumah sepanjang masa. Kerajaan Negeri berpandangan Program Pemberian Air Percuma di bawah Skim Air Darul Ehsan (SADE) bukanlah faktor yang boleh menunjukkan pengurangan penggunaan air domestik. Faktor utama di dalam pengurangan penggunaan air domestik adalah terletak kepada kesedaran pengguna akan kepentingan penggunaan air secara berhemah kerana setiap titis air yang digunakan akan dinilai melalui kadar tarif yang akan dibayar oleh pengguna itu sendiri.

b) Tuan Speaker,

1. Permohonan pendaftaran Skim Air Darul Ehsan sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 226,969. Dari jumlah ini, sebanyak 15,625 tidak dapat diproses pendaftarannya ke dalam Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) kerana sebab-sebab berikut:-
  - i. Nombor kad pengenalan telah digunakan oleh pemohon lain;
  - ii. Nombor meter air telah digunakan oleh pemohon lain;
  - iii. Nombor telefon telah digunakan oleh pemohon lain; dan
  - iv. Maklumat permohonan yang tidak lengkap seperti tidak kemukakan nombor Kad Pengenalan, alamat e-mel, nombor akaun air, alamat kediaman/premis dan maklumat pasangan.
2. Selanjutnya, setelah semak silang dibuat ke atas 211,344 permohonan menggunakan data Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam kategori Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi memastikan kesahihan permohonan berdasarkan kepada kelayakan jumlah pendapatan di bawah RM4,000.00, sebanyak 199,254 layak mendapat mendapat SADE dan 12,090 permohonan tidak layak kerana tidak memenuhi syarat pendapatan.
3. Dengan mengambil kira penduduk rumah pangsa kos rendah dalam kategori meter pukal yang secara automatik layak mendapat air percuma di bawah SADE, jumlah keseluruhan pengguna Negeri Selangor yang menikmati SADE adalah sebanyak 250,000 akaun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : KESAN PEKERJAAN AKIBAT PKP**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah anggaran jumlah rakyat yang kehilangan pekerjaan akibat PKP?
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai sistem pendaftaran pangkalan data untuk mereka yang mencari pekerjaan?
- c) Berapakah jumlah premis perniagaan tidak sah warga asing yang telah dikenalpasti dan tindakan yang telah diambil mengikut PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah rakyat yang kehilangan pekerjaan bagi Negeri Selangor yang telah direkodkan oleh PERKESO melalui Permohonan Faedah Sistem Insurans Pekerjaan adalah seramai 14,892 orang dari tempoh Januari hingga Jun 2020.
- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sistem pendaftaran pangkalan data untuk pencari kerja buat masa kini. Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai jalinan kerjasama dengan pihak JobsMalaysia di mana laman web JobsMalaysia berfungsi sebagai padanan dan carian pekerjaan atas talian bagi seluruh rakyat Malaysia. Pencari kerja khususnya rakyat Selangor boleh mendaftar di laman web [www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my) untuk mencari pekerjaan dan mendapat notifikasi padanan pekerjaan melalui emel yang telah didaftarkan secara percuma.
- c) Jumlah premis perniagaan tidak sah warga asing yang telah dikenalpasti dan tindakan yang telah diambil mengikut PBT adalah seperti berikut :

<b>PBT</b>	<b>Jumlah Premis Perniagaan Tidak Sah Warga Asing</b>	<b>Tindakan PBT</b>
MBSA	313 premis warga asing (2018 – 2020)	Sitaan terhadap peralatan perniagaan

MBPJ	26 premis (Merangkumi pelbagai aktiviti perniagaan)	Sitaan dan Penutupan
MPSJ	Tiada maklumat	Tindakan penutupan kerana tidak berlesen (tertakluk kepada peruntukan Undang-Undang Kecil yang berkaitan) Sebanyak 31 premis dikendalikan oleh warga asing telah ditutup/tidak beroperasi selepas tindakan penutupan sepanjang tempoh PKP hingga PKPP
MPK	391 premis	Sitaan premis
MPAJ	51 premis - Kesalahan menggaji pekerja warga asing tanpa dokumen yang sah.	Pembatalan lesen dan sitaan premis perniagaan
MPS	12 premis	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sitaan barang perniagaan</li> <li>ii. Batal lesen perniagaan</li> <li>iii. Ikat tali kuning di pintu masuk premis</li> </ul>
MPKJ	93 premis	Sitaan dan arahan tutup serta-merta
MPSP	10 premis	Operasi bersama Pejabat Daerah/Tanah Sepang dan Jabatan Imigresen
MPKL	24 premis	Sepanjang tahun 2019 sehingga kini, sebanyak 4 siri operasi bersepadu telah dilaksanakan bersama pihak Jabatan Imigresen Malaysia dan PDRM. Tindakan penguatkuasaan diambil mengikut bidang kuasa masing-masing
MDHS	13 premis	9 buah premis telah disita dan ditutup



<b>PBT</b>	<b>Jumlah Premis Perniagaan Tidak Sah Warga Asing</b>	<b>Tindakan PBT</b>
MDKS	5 premis	Penutupan premis
MDSB	4 premis	Sitaan barang perniagaan dan kompaun

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MASALAH BANJIR DI KAMPUNG GICHING DAN KG LABU LANJUT SG  
LABU**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah Banjir yang berpunca dari Sg Labu, Apakah status projek tebatan banjir SG Labu?
- b) Apakah boleh supaya kerja-kerja menaik taraf ban yang kerap pecah ( 5 kali dalam tempoh setahun) diberi keutamaan dan dilaksanakan terlebih dahulu ?

**JAWAPAN:**

a) Tajuk Kerja : Rancangan Tebatan Banjir Sungai Labu, Daerah  
Sepang, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh Mula : 12/10/2018

Tarikh Siap : 04/02/2021

Kemajuan Jadual : 47%

Kemajuan Sebenar : 28%

Kelewatan : -19%

- b) Banjir yang berlaku di Kampung Giching Sungai Labu adalah berpunca daripada hujan yang tersangat lebat iaitu 106mm dalam tempoh 3 jam di kawasan tersebut. Curahan hujan yang banyak mengakibatkan aliran air sungai yang laju dan telah melimpahi ban menyebabkan hakisan tebing/ban sungai Labu yang sedang dalam pembinaan. Akibat daripada hakisan tersebut ban sungai telah pecah dan air memasuki kawasan perkampungan dan telah menyebabkan banjir.

Untuk makluman, projek RTB Sungai Labu sedang dalam pelaksanaan dan skop menaiktaraf ban sungai adalah sepanjang 18km. Pembinaan ban sungai merupakan skop keutamaan untuk projek ini. Jabatan telah mengkaji semula rekabentuk ban di kawasan yang terhakis teruk dan cadangan rekabentuk baru

yang lebih kukuh telah disediakan bagi mengelakkan kejadian yang serupa dari berlaku.

Untuk makluman, kontraktor telahpun menyiapkan kerja-kerja pembaikan ban yang pecah bagi menghalang kemasukkan air ke kawasan kampung dan kerja-kerja pembinaan berdasarkan rekabentuk baru akan dilaksanakan segera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PELAN TINDAKAN HALA TUJU KHUSUS AEROANGKASA SELANGOR ( 2020-2030 )**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha atau tindakan Kerajaan Negeri apabila berlaku pembuangan pekerja-pekerja akibat penstrukturan syarikat kerana dasar kerajaan pusat. ( i.e pemberhentian pekerja-pekerja mahir di syarikat AIROD Sendirian Berhad ) ?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri menerusi Invest Selangor dan Divisyen S-DAICO mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai syarikat – syarikat yang berkaitan dan kita sedang cuba mengumpul data – data yang berkaitan supaya pihak kita boleh membuat pepadanan tenaga kerja dengan syarikat – syarikat yang memerlukannya.